

27 JUL 2002
Sabah-Kerusi
UMNO SABAH AKUR KEPUTUSAN PEMBAHAGIAN KERUSI

KOTA KINABALU, 27 Julai (Bernama) -- Umno Sabah akan menerima apa juga keputusan pucuk pimpinan Barisan Nasional berhubung pembahagian kerusi pada pilihan raya umum akan datang, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Musa Aman hari ini.

Katanya Umno Sabah akur dengan nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua parti komponen BN menerima sebarang keputusan pembahagian kerusi.

"Apa yang penting ialah parti-parti komponen BN negeri sentiasa bekerjasama dan ada persefahaman," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Terbuka Sekolah Menengah Teknik Likas, dekat sini.

Beliau diminta mengulas ucapan Dr Mahathir di Johor Baharu pada Khamis lepas yang meminta parti-parti komponen menerima apa sahaja pembahagian kerusi bagi kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri untuk parti masing-masing pada pilihan raya umum akan datang.

Ditanya sama ada Umno negeri akan memohon tambahan kerusi negeri dan parlimen, Musa berkata beliau diberitahu bahawa Sabah akan mendapat tambahan kerusi negeri dan Parlimen.

"Siapa dapat lebih atau siapa dapat kurang, terpulanglah kepada pimpinan BN menentukannya. Saya yakin di Sabah bila tiba masanya, kita duduk dan bincang bersama perkara ini," katanya.

Musa berkaa beliau yakin parti-parti komponen lain di Sabah pun akan menerima pembahagian kerusi yang dibuat oleh pucuk pimpinan BN.

Ditanya sama ada BN negeri mungkin menghadapi masalah pembahagian kerusi berikutan kemasukan semula Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam BN, Musa berkata: "Kalau semua anggota menerima keputusan pimpinan BN, tidak akan wujud perselisihan faham."

Sebelum ini, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah mengumumkan bahawa Sabah mungkin mendapat tambahan sekurang-kurangnya 12 kerusi negeri dan lima Parlimen berdasarkan cadangan persempadanan semula kawasan pilihan raya bagi negeri itu.

-- BERNAMA

NT MAI